



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 07 Tahun 2020

PENETAPAN JABATAN SEBAGAI SUB ENTITI AKADEMIK UNTUK PEMBANGUNAN DAN PEMILIKAN BERSAMA PROGRAM AKADEMIK BAHARU DI UiTM CAWANGAN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan tentang penetapan jabatan sebagai sub entiti akademik untuk pembangunan dan pemilikan bersama program akademik baharu di UiTM cawangan yang telah diluluskan pelaksanaannya dalam Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bil. 04 / 2020 pada 12 Februari 2020 dan telah disahkan dalam Mesyuarat Senat ke-255 pada 09 Mac 2020.

LATAR BELAKANG

2. Penetapan pemilikan program akademik merupakan salah satu bidang utama dalam pelaksanaan autonomi UiTM cawangan (Pejabat Pendaftar, UiTM, 2011) seperti yang dinyatakan berikut:

Penurunan had kuasa yang diberikan kepada UiTM cawangan bagi pelaksanaan autonomi mencakupi empat (4) bidang iaitu pentadbiran institusi, akademik dan pelajar khususnya aspek pengurusan dan pembangunan program baharu, pengurusan kewangan dan penjanaan pendapatan, serta pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

3. Pekeliling Akademik bil. 02 / 2019 telah memaklumkan tentang polisi pemilikan dan pengurusan program akademik universiti. Walau bagaimanapun, pekeliling ini tidak menjelaskan sesebuah entiti akademik yang boleh membangunkan program akademik baharu di UiTM cawangan memandangkan cawangan mengurus dan mengoperasi program akademik dalam pelbagai bidang pengajian serta pengurusan bukan akademik seperti pentadbiran, kewangan, hal ehwal pelajar, penyelidikan, jaringan industri, alumni dan sebagainya.

4. Amanat Naib Canselor bertarikh 14 Mac 2019 telah menggariskan satu daripada empat (4) tumpuan khusus UiTM tahun 2019 iaitu autonomi bagi mewibawakan universiti di mana UiTM cawangan perlu diberi pelbagai kuasa autonomi untuk menjalankan program akademik masing-masing.

5. Sehubungan itu, penetapan jabatan sebagai sub entiti akademik di UiTM cawangan perlu diselaraskan untuk diberikan autonomi membangun, memiliki bersama, dan mengoperasi program akademik baharu dalam bidang pengajian yang giat berkembang dan berdaya saing.

PENETAPAN JABATAN SEBAGAI SUB ENTITI AKADEMIK

6. Entiti akademik ditakrifkan sebagai:

“Fakulti, pusat pengajian, pusat akademik, sekolah, kulliyyah, kolej atau institut yang menawarkan program akademik (Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2018).”

7. Penubuhan fakulti dan pusat akademik telah dilaksanakan di universiti induk untuk menjalankan program akademik dalam pelbagai peringkat pengajian. Kini, penurunan kuasa kepada UiTM cawangan bagi penubuhan sub entiti akademik membolehkan UiTM cawangan membangun, memiliki bersama, dan mengoperasikan program akademik. Langkah ini dapat memantapkan sistem tadbir urus universiti dan membentuk sinergi dalam amalan pengurusan akademik yang seimbang.

8. UiTM adalah pemilik (*Program Owner*) kepada semua program akademik universiti (Pekeliling Akademik bil. 02 / 2019). UiTM cawangan yang membangunkan dan menguruskan sesuatu program akademik sebagai Pengurus Utama (PU) atau Pengurus Pelaksana (PP) boleh dilantik sebagai Pemilik Bersama Program (*Co-Program Owner*) melalui jabatan yang dipertanggungjawab membangun, mengurus, dan mengoperasikan program akademik baharu. Oleh itu, jabatan ditakrifkan sebagai:

“Sub entiti akademik yang ditubuhkan di bawah fakulti atau UiTM cawangan yang membangunkan sesuatu program akademik dan bertanggungjawab kepada program akademik tersebut.”

9. Kriteria melantik sesebuah jabatan sebagai Pembangun dan Pemilik Bersama Program (*Co-Program Owner*) akademik baharu di peringkat diploma, sarjana muda, dan pasca ijazah (sarjana dan kedoktoran) adalah seperti:

- a. Nomenklatur bagi Jabatan dimulakan dengan perkataan Jabatan dan diikuti dengan nama bidang ilmu atau pengajian (*generic but representative*) tanpa kurungan yang sedang dijalankan.
- b. Staf akademik / pensyarah di jabatan merupakan staf berjawatan tetap, kontrak, dan sambilan (sepenuh masa / *Part Time Full Time (PTFT)*). Walau bagaimanapun, jabatan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 75% staf akademik / pensyarah yang berjawatan tetap.
- c. Mempunya sekurang-kurangnya 90% staf akademik / pensyarah berkelayakan Sarjana daripada jumlah staf akademik/pensyarah terkini.
- d. Sedang menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) program akademik sebagai PU atau PP sama ada di peringkat diploma, sarjana muda, atau pasca ijazah.
- e. Terlibat secara aktif dalam semakan semula kurikulum bagi program sedia ada yang dijalankan sebagai PU atau PP.
- f. Program akademik baharu yang hendak dibangunkan mestilah selaras dan relevan dengan keperluan semasa, giat berkembang, dan berdaya saing.

10. Jabatan baharu yang ditubuhkan adalah berperanan dan bertanggungjawab kepada program akademik yang ditawarkan dari aspek pembangunan dan penawaran program akademik baharu, memastikan jaminan kualiti dan keberhasilan serta mengurus, dan mengoperasi program akademik baharu dan sedia ada. Sebarang permohonan sebagai jabatan di UiTM cawangan untuk mendapatkan status sebagai sub entiti akademik mestilah disokong oleh Ketua Jabatan / Rektor dan dimajukan kepada MEU untuk kelulusan.

TATACARA PELAKSANAAN

11. Penetapan jabatan sebagai sub entiti akademik untuk pembangunan dan pemilikan bersama program akademik baharu di UiTM cawangan hendaklah berpandukan kepada perkara berikut:

- a. Carta Alir Permohonan Penubuhan Jabatan (Lampiran 1)
- b. Tadbir Urus Program Akademik UiTM (Lampiran 2)
- c. Ringkasan Eksekutif Permohonan Kelulusan Penubuhan Sub Entiti Akademik (Lampiran 3)
- d. Format Kertas Kerja Cadangan Penubuhan Sub Entiti Akademik Di UiTM Cawangan (Lampiran 4)

12. Jabatan baharu yang ditubuhkan di UiTM cawangan boleh dinaik taraf kepada sekolah atau fakulti sebagai entiti akademik utama pada masa akan datang.

PEKELILING BERKAITAN

13. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Akademik bil. 02 / 2019: Pemilikan dan Pengurusan Program Akademik UiTM.

TARIKH DIKELUARKAN

14. Pekeliling ini dikeluarkan pada 07 April 2020.

TARIKH KUATKUASA

15. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 07 April 2020.


PROF. TS. DR. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Naib Canselor
- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 07 April 2020



**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PENUBUHAN JABATAN
DI UiTM CAWANGAN**




Nota: Jabatan baharu yang diluluskan perlu beroperasi tidak kurang enam (6) bulan daripada tarikh kelulusan.

TADBIR URUS PROGRAM AKADEMIK UiTM

Berikut adalah ilustrasi struktur tadbir urus pembangunan, pemilikan, penawaran, dan pengurusan program akademik universiti serta kedudukan jabatan dalam carta organisasi UiTM cawangan untuk menambah baik pelaksanaan Pekeliling Akademik bil. 02 / 2019:





Jabatan Dalam Carta Organisasi UiTM Cawangan

**RINGKASAN EKSEKUTIF
PERMOHONAN KELULUSAN PENUBUHAN
SUB ENTITI AKADEMIK**

1.	NAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI	Nyatakan nama IPT & cawangan.
2.	TUJUAN	Nyatakan tujuan kertas cadangan.
3.	SUB ENTITI AKADEMIK YANG DIPOHON	Nyatakan nama penuh jabatan yang dipohon.
4.	OBJEKTIF PENUBUHAN SUB ENTITI AKADEMIK	Nyatakan objektif penubuhan jabatan.
5.	JUSTIFIKASI PENUBUHAN SUB ENTITI AKADEMIK	Nyatakan justifikasi penubuhan jabatan.
6.	TARIKH SUB ENTITI AKADEMIK DILULUSKAN	Tarikh kelulusan Mesyuarat MEU.
7.	SYOR	Nyatakan syor ke atas kertas cadangan untuk kelulusan MEU dan pemakluman Senat universiti.

FORMAT KERTAS KERJA CADANGAN PENUBUHAN SUB ENTITI AKADEMIK DI UiTM CAWANGAN

1.0 INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Nyatakan nama IPT dan cawangan.

2.0 TUJUAN

Nyatakan dengan ringkas tujuan kertas cadangan.

3.0 NAMA SUB ENTITI AKADEMIK YANG DIPOHON

Nyatakan nama penuh jabatan yang dipohon.

4.0 OBJEKTIF PENUBUHAN JABATAN

Nyatakan objektif penubuhan jabatan.

5.0 JUSTIFIKASI PENUBUHAN JABATAN

Nyatakan latar belakang dan justifikasi penubuhan jabatan.

6.0 STRUKTUR ORGANISASI

Sertakan struktur organisasi dan fungsi jabatan yang ingin ditubuhkan.

7.0 KEPAKARAN STAF AKADEMIK

Senaraikan staf akademik mengikut bidang kepakaran.

8.0 PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK

Senaraikan program akademik yang sedang atau akan ditawarkan mengikut peringkat pengajian diploma, sarjana muda, atau pasca ijazah.

9.0 STRATEGI PELAKSANAAN (MENGIKUT FASA)

Nyatakan strategi pelaksanaan (mengikut fasa) berikut:

- Halatuju penubuhan jabatan untuk tempoh tiga (3) tahun.
- Kelestarian jabatan dan program akademik.

10.0 TARIKH SUB ENTITI AKADEMIK DILULUSKAN

Nyatakan tarikh entiti akademik diluluskan di Mesyuarat MEU.

11.0 SYOR

Nyatakan syor ke atas cadangan penubuhan jabatan untuk pertimbangan kelulusan MEU dan pemakluman kepada Senat universiti.